

Lawatan kerja PCG UMS ke Kota London

Oleh WAN SITI SUHANA YUSUF

utusanborneokk@yahoo.com.my

UB 17.06.2012 B13

KOTAKINABALU: Seramai lapan kakitangan bukan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh Pegawai Psikologi UMS Carrie Grace Jaymess menyertai satu lawatan kerja di kota London, baru-baru ini.

Menurut Carrie, lawatan kerjamelaluiProgramCapaian Global (PCG) kakitangan bukan akademik itu bermula pada 29 Mei sehingga 6 Jun lalu bertujuan memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan sokongan berkongsi idea mengenai budaya kerajaan antara universiti tempatan dan universiti antarabangsa di samping mempelajari sistem kerja sesuatu organisasi.


"Program berkenaan juga



ROMBONGAN bergambar kenangan di hadapan pintu utama "University College London Union" Kota London.



KAKITANGAN Bukan Akademik UMS, PCG bergambar kenangan bersama Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Hj. Mulia di hadapan Restoran Malaysia, Oxford Street Kota London.



mampu mengeratkan lagi hubungan sedia ada dan pertukaran pengalaman berkaitan dengan budaya kerja agar lebih efektif dan efisyen," katanya menambah komunikasi yang disampaikan sepanjang program itu mampu menyakinkan kakitangan UMS bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan dunia yang berkesan.

Carrie turut menjelaskan bahawa dengan adanya PCG dapat mencapai objektif program yang dilaksanakan dan membentuk serta memantapkan profil seseorang penjawat awam untuk memenuhi keperluan Continuous Professional Development (CPD).

Tambahnya lagi, pihak kumpulan PCG di kota London, United Kingdom kali ini sangat menghargai komitmen pengurusan pentadbiran universiti kerana menyakinkan kumpulan ini berada di negara Eropah.

SANTAI mesra dan mengabadikan kenangan di "Birkbeck College", Kota London.